
Edisi 1		Isu 1
Volume 1		Issue 1

Disember 2025
December 2025

DALAM MAHKAMAH RENDAH SYARIAH DAERAH JELEBU
MOHAMAD KHAIRUDDIN BIN MOHAMED ZIN *lwn* NURUL AISHA IZZATI BINTI HAMDAN
(NO. KES: 2503-L0805-152-0043)

Muhammad Jimmy Muhammad Azlin
Mahkamah Rendah Syariah Daerah Jelebu

Follow this and additional works at: <https://altaqrir.usim.edu.my>

Recommended Citation: Mohamad Khairuddin bin Mohamed Zin *lwn* Nurul Aisha Izzati binti Hamdan (NO. KES: 2503-L0805-152-0043) (2025) MRS 82 AL-TAQRIR 1. Available at: <https://altaqrir.usim.edu.my/index.php/journal/article/view/18>



FACULTY OF SYARIAH AND LAW
Fakulti Syariah dan Undang-Undang
كلية الشريعة والقانون



DALAM MAHKAMAH RENDAH SYARIAH DAERAH JELEBU

MOHAMAD KHAIRUDDIN BIN MOHAMED ZIN

lwn

NURUL AISHA IZZATI BINTI HAMDAN

NO. KES: 2503-L0805-152-0043

¹Muhammad Jimmy Muhammad Azlin

¹Mahkamah Rendah Syariah Daerah Jelebu

Sinopsis

Plaintif dalam kes ini telah membuat permohonan Pengesahan Lafaz Talaq di bawah Seksyen 57 Undang-Undang Keluarga Islam. Pada masa yang sama, berlaku rujuk yang tidak pernah dilaporkan ke mana-mana pihak berkuasa berkaitan dalam tiga hari selepas Plaintif melafazkan cerai tersebut. Lafaz cerai yang secara jelas menggunakan perkataan “cerai” adalah satu lafaz *sarih* yang tidak memerlukan niat suami untuk mensabitkan perceraian. Dalam kes ini, Hakim Bicara memutuskan bahawa perceraian antara Plaintif dan Defendan adalah sah. Berkaitan lafaz rujuk juga, lafaz *sarih* telah digunakan oleh Plaintif iaitu perkataan “rujuk”. Oleh yang demikian, dalam kes ini, memandangkan lafaz yang digunakan merupakan lafaz *sarih*, maka Mahkamah tidak perlu mengambil keterangan berkaitan niat ketika lafaz cerai dan rujuk tersebut dibuat.

Pengenalan

- [1] Ini adalah kes Permohonan Pengesahan Lafaz Cerai yang difailkan oleh Plaintif terhadap Defendan.

Latar Belakang Fakta

- [2] Plaintif telah memfailkan permohonan pengesahan lafaz cerai pada 14.3.2025 kerana telah melafazkan ‘Aku Ceraikan Kau Dengan Talak Satu’ pada 8.3.2025 di No. xxx, Taman xxx, 84000 Muar, Johor.
- [3] Plaintif telah melafazkan rujuk dengan berbunyi ‘Aku rujuk kau semula menjadi isteriku’ pada 10.3.2025 di Port Dickson, Negeri Sembilan.

Diputuskan

- [4] Setelah Mahkamah mendengar keterangan Plaintif dan Defendan dan meneliti dokumen yang difailkan, maka Mahkamah berpuas hati dengan keterangan tersebut. Dengan ini Mahkamah memutuskan dan memerintahkan seperti berikut:
1. Mahkamah mensabitkan bahawa lafaz cerai Plaintif terhadap Defendan secara lisan dengan lafaz “Aku ceraikan kau dengan talak satu” pada pukul 11.30 malam, bertarih 8.3.2025, adalah sah secara *sarih* menurut hukum Syarak serta peruntukan undang-undang yang berkuat kuasa;

2. Mahkamah memutuskan berlaku perceraian antara Plaintiff dan Defendan dengan talak satu (1) kali pertama berjumlah satu (1) talak dengan talak *raji* bermula pada 8.3.2025;
3. Mahkamah memerintahkan supaya Defendan menjalani tempoh 'iddah selama tiga (3) kali suci bermula pada 8.3.2025;
4. Mahkamah mensabitkan bahawa lafaz rujuk yang dibuat oleh Plaintiff kepada Defendan dengan lafaz "Aku rujuk kau semula menjadi isteriku" pada pukul 1.00 pagi bertarikh 10.3.2025 adalah sah dan berkuat kuasa sebagai lafaz rujuk secara *sarih* menurut hukum Syarak serta peruntukan undang-undang yang berkuat kuasa;
5. Mahkamah memutuskan bahawa berlaku rujuk kali pertama berbaki satu (1) rujuk antara Plaintiff dan Defendan bermula pada 10.3.2025; dan
6. Mahkamah memerintahkan supaya Plaintiff dan Defendan mendaftarkan perceraian dan rujuk tersebut di Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan Daerah Jelevu dan bahawa Surat Perakuan Nikah Negeri Sembilan bernombor N/050301/2025/00075 dibatalkan.

Rujukan

Undang-Undang

Seksyen 52 dan Seksyen 57. Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Sembilan) 2003.

Isu-Isu yang Perlu Diputuskan

- [5] Berdasarkan permohonan, affidavit dan keterangan yang dikemukakan semasa prosiding, Mahkamah merumuskan bahawa isu-isu berikut perlu diputuskan:
1. Isu Pertama: Sama ada Plaintiff dan Defendan masih pasangan suami isteri yang sah.
 2. Isu Kedua: Sama ada sabit lafaz cerai Defendan.
 3. Isu Ketiga: Sama ada Defendan masih dalam tempoh 'iddah dan sabit lafaz rujuk Plaintiff.

Analisis dan Dapatan

Isu Pertama: Sama ada Plaintiff dan Defendan masih pasangan suami isteri yang sah

- [6] Plaintiff dan Defendan telah berkahwin pada 7.2.2025 di Pejabat Agama Islam Daerah Jelevu, Kuala Klawang di Negeri Sembilan sepertimana yang direkodkan di dalam Surat Perakuan Nikah Negeri Sembilan Nombor Daftar N/050301/2025/00075. Hasil perkahwinan Plaintiff dan Defendan tidak dikurniakan anak.

Isu Kedua: Sama ada sabit lafaz cerai Defendan

- [7] Plaintiff mengakui telah melafazkan cerai kepada Defendan dengan lafaz "Aku ceraikan kau dengan talak satu" pada pukul 11.30 pagi bertarikh 8.3.2025 dalam keadaan waras dan tanpa dipaksa.
- [8] Ulasan Mahkamah: Dalam kes ini, Plaintiff mengakui telah menceraikan Defendan dengan lafaz "Aku Ceraikan Kau Dengan Talak Satu" pada 8.3.2025 di No. xxx, Taman xxx, 84000 Muar, Johor, dalam keadaan waras dan tanpa dipaksa oleh sesiapa. Lafaz tersebut juga telah didengar dengan jelas oleh Defendan.

Isu Ketiga: Sama ada Defendan masih dalam tempoh 'iddah dan sabit lafaz rujuk Plaintiff

- [9] Plaintiff juga mengakui telah merujuk Defendan dengan lafaz "Aku rujuk kau semula menjadi isteriku" pada pukul 1.00 pagi bertarikh 10.3.2025 di kampung Defendan di Port Dickson iaitu tiga (3) hari selepas Plaintiff melafazkan cerai.

- [10] Defendan mengakui masih dalam tempoh iddah dan mendengar lafaz rujuk tersebut. Defendan bersetuju menerima rujuk daripada Plaintiff.
- [11] Plaintiff dan Defendan juga tidak pernah bercerai sejak bernikah.

Keputusan

- [12] Setelah Mahkamah mendengar keterangan Plaintiff dan Defendan dan meneliti dokumen yang difailkan, maka Mahkamah berpuas hati dengan keterangan tersebut. Dengan ini Mahkamah memutuskan dan memerintahkan seperti berikut:
1. Mahkamah mensabitkan bahawa lafaz cerai Plaintiff terhadap Defendan secara lisan dengan lafaz “Aku ceraikan kau dengan talak satu” pada pukul 11.30 malam, bertarikh 8.3.2025, adalah sah secara *sarih* menurut hukum Syarak serta peruntukan undang-undang yang berkuat kuasa;
 2. Mahkamah memutuskan berlaku perceraian antara Plaintiff dan Defendan dengan talak satu (1) kali pertama berjumlah satu (1) talak dengan talak *raji*’ bermula pada 8.3.2025;
 3. Mahkamah memerintahkan supaya Defendan menjalani tempoh *‘iddah* selama tiga (3) kali suci bermula pada 8.3.2025;
 4. Mahkamah mensabitkan bahawa lafaz rujuk yang dibuat oleh Plaintiff kepada Defendan dengan lafaz “Aku rujuk kau semula menjadi isteriku” pada pukul 1.00 pagi bertarikh 10.3.2025 adalah sah dan berkuat kuasa sebagai lafaz rujuk secara *sarih* menurut hukum Syarak serta peruntukan undang-undang yang berkuat kuasa;
 5. Mahkamah memutuskan bahawa berlaku rujuk kali pertama berbaki satu (1) rujuk antara Plaintiff dan Defendan bermula pada 10.3.2025; dan
 6. Mahkamah memerintahkan supaya Plaintiff dan Defendan mendaftarkan perceraian dan rujuk tersebut di Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan Daerah Jelevu dan bahawa Surat Perakuan Nikah Negeri Sembilan bernombor N/050301/2025/00075 dibatalkan.

Kesimpulan

- [13] Berdasarkan keterangan Plaintiff dan Defendan, Mahkamah mendapati tindakan Plaintiff telah menepati hukum syarak dan peruntukan undang-undang di bawah seksyen 57 dan 52 (9) Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Sembilan) 2003.

Seksyen 57. Pendaftaran perceraian di luar Mahkamah

- (1) *Walau apa pun seksyen 55, seseorang lelaki yang telah menceraikan isterinya dengan lafaz talaq di luar Mahkamah dan tanpa kebenaran Mahkamah, hendaklah dalam masa tujuh hari dari pelafazan talaq itu melaporkan kepada Mahkamah.*
- (2) *Mahkamah hendaklah mengadakan siasatan untuk memastikan sama ada talaq yang dilafazkan itu adalah sah mengikut Hukum Syarak.*
- (3) *Jika Mahkamah berpuas hati bahawa talaq yang telah dilafazkan itu adalah sah mengikut Hukum Syarak, maka Mahkamah hendaklah—*
 - (a) *mengesahkan perceraian itu;*
 - (b) *merekodkan perceraian itu; dan*
 - (c) *menghantar suatu salinan rekod itu kepada Pendaftar yang berkenaan dan kepada Ketua Pendaftar untuk didaftarkan.*

Seksyen 52 (9)

Jika selepas talaq raj'i suami melafazkan ruju' dan isteri telah bersetuju terhadap ruju' itu, isteri boleh, atas permohonan suami, diperintahkan oleh Mahkamah supaya hidup semula sebagai suami isteri, melainkan jika isteri itu menunjukkan sebab-sebab yang baik, mengikut Hukum Syarak sebaliknya, dan jika demikian halnya, Mahkamah hendaklah melantik suatu jawatankuasa pendamai sebagaimana yang diperuntukkan di bawah seksyen 47, dan seksyen itu hendaklah terpakai sewajarnya.

- [14] Kes ini memperlihatkan keperluan Mahkamah untuk mendapatkan keterangan daripada Plaintiff dan Defendan serta memastikan bahawa lafaz cerai dan rujuk yang berlaku menepati hukum syarak dan selari dengan perundangan.

Hakim

Alasan Penghakiman ini telah disediakan oleh **Tuan Muhammad Jimmy bin Muhammad Azlin**, Hakim Mahkamah Rendah Syariah Jelebu, Negeri Sembilan.

Tarikh

25 Mac 2025.

Pegum Syarie

Plaintif dan Defendan tidak diwakili oleh mana-mana Pegum Syarie.